

16/12/1998

Fasa pertama Cyberjaya siap menjelang Jun

CYBERJAYA, Selasa - Fasa pertama Cyberjaya seluas 2,800 hektar yang turut menandakan permulaan operasi Koridor Raya Multimedia (MSC), dijangka siap menjelang Jun ini.

Pengerusi Eksekutif Multimedia Development Corporation Sdn Bhd (MDC), Tan Sri Dr Othman Yeop Abdullah, berkata fasa pertama projek pembangunan gergasi itu merangkumi 50 syarikat bertaraf MSC.

Selain itu, katanya, beberapa kemudahan lain seperti Universiti Multimedia dan kemudahan Nippon Telegraph & Telephone Corporation (NTT) juga dijangka siap pada masa yang sama.

"Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dijangka melancarkan Cyberjaya dan kemudahan sampingan lain pada Jun ini," katanya kepada Berita Harian ketika ditemui di ibu pejabat MDC di sini, hari ini.

Terdahulu, beliau meraikan rombongan Jawatankuasa Tetap Teknologi Maklumat Selangor yang diketuai Exco Kerajaan Negeri, Datuk Fuad Hassan.

Cyberjaya adalah sebahagian daripada MSC, kawasan seluas 750 kilometer persegi ke selatan dari sini yang dikhaskan sebagai pusat bagi pembangunan produk dan perkhidmatan multimedia.

Tinjauan di kawasan berkenaan mendapati kebanyakan pembinaan untuk pembangunan fasa satu kini di peringkat terakhir, termasuk pembinaan jalan raya B-15 yang menjadi laluan utama ke Cyberjaya.

Dr Othman berkata, MDC menerima 259 permohonan untuk memperolehi status MSC dan sehingga semalam 192 syarikat sudah diberi taraf itu.

"Daripada 192 syarikat itu, kira-kira 42 peratus membabitkan syarikat tempatan manakala 24 peratus lagi syarikat usaha sama," katanya.

Beliau berkata, pelaksanaan program perintis sekolah bestari di dua sekolah di Dengkil kini berjalan lancar dengan makmal komputer sekolah berkenaan dibaik pulih, menjalani pemasangan sistem komputer dan latihan guru.

Dua sekolah berkenaan ialah Sekolah Kebangsaan Dengkil dan Sekolah Menengah Dengkil. Kedua-duanya menerima peruntukan RM4 juta daripada MDC serta bantuan lain daripada sektor swasta.

(END)